

# Sungai Mengkuang pula diserbu penggemar lala buluh

**Endau:** Pantai Sungai Mengkuang, dekat sini, dipenuhi orang ramai yang berpusu-pusu mendapatkan lala buluh dari dalam pasir di pantai berkenaan sejak beberapa hari lalu, seminggu selepas kepah memenuhi Pantai Mempisang dan Serinkin, tidak jauh dari sini.

Penduduk kampung serta dari luar sanggup berpanas di pantai untuk mengutip hidupan laut itu, terutama ketika air laut surut, sama ada untuk hidangan sendiri atau dijual. Mereka menggunakan lidi dicelup kapur sirih supaya mudah mengeluarkan lala dari dalam pasir.

Difahamkan, hidupan laut berkenaan sukar didapati dan dikatakan hanya muncul kira-kira

dua atau tiga tahun sekali, namun dalam kuantiti yang sedikit. Harganya juga dikatakan boleh mencecah RM15 sekilogram.

Sudirman Esa, 37, dan keluarganya sanggup pulang ke kampung untuk mendapatkan lala buluh selepas berita mengenai tersebar menerusi media sosial, manakala Noremi Salim, 40, memperoleh rezeki dengan menjual hidupan laut berkenaan.

“Saya mampu memperoleh sekilogram lala selepas lebih sejam mencari sebelum dijual kepada pengunjung pantai,” kata Noremi.

Sementara itu, Ketua Jabatan Akuakultur Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Salleh Kamarudin,

berkata lala buluh dan kepah dari spesies sama, iaitu ‘bivalvia’ yang mempunyai dua cengkerang dan boleh berenang apabila berada di darat atau permukaan kasar.

“Ia berbeza dengan kupang atau tiram yang melekat pada batu. Kepah, kerang atau lala buluh sebaliknya menanam diri di dasar, sama ada pasir atau lumpur. Ombak serta arus besar membongkar atau membajak dasar laut yang kemudian menghala ke darat bersama hidupan laut bercengkerang seperti kepah.

“Ini fenomena biasa yang dipanggil ‘wash up’, tetapi ia akan menjadi luar biasa sekiranya hidupan laut itu bukan spesis di kawasan pantai terbabit,” katanya.



**Seorang kanak-kanak menunjukkan lala buluh yang diperolehnya di Pantai Sungai Mengkuang, Endau.**

[FOTO IKHWAN MUHAMMAD/BH]